

SIARAN MEDIA

Belanjawan 2026:

“Ketahanan ekonomi bukan sekadar mengawal ketirisan, tetapi mengimbangi dengan strategi pertumbuhan.” Malaysia perlu beralih daripada bertahan kepada menyerang secara terancang untuk mencapai potensi negara berpendapatan tinggi.

10 Oktober 2025, Kuala Lumpur –Belanjawan 2026 menandakan fasa baharu dalam agenda reformasi negara dengan menekankan pertumbuhan inklusif serta pembangunan kapasiti yang melangkaui ketahanan. Belanjawan ini memperlihatkan pelaburan berterusan dalam sektor strategik, perlindungan sosial dan infrastruktur, di samping mengekalkan tumpuan terhadap daya saing jangka panjang dan tadbir urus fiskal yang mampan.

Sejajar dengan Keutamaan Reformasi Negara

Transformasi Perindustrian

Belanjawan 2026 meneruskan agenda perindustrian negara yang dipacu oleh Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR). Penggembleran modal domestik melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) bagi merangsang pelaburan dalam sektor berimpak tinggi seperti semikonduktor, tenaga boleh diperbaharui dan kecerdasan buatan merupakan langkah dialu-alukan ke arah kemajuan teknologi.

Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Agenda keterjaminan makanan dalam Belanjawan 2026 bersifat inklusif dan menyeluruh, melangkaui pengeluaran dengan memberi tumpuan kepada akses saksama, kemampuan dan kesejahteraan nutrisi. Peruntukan yang diumumkan mencerminkan usaha kerajaan dalam memperkukuh sistem makanan daripada sumber kepada pengguna. Inisiatif seperti Program Payung RAHMAH dan Ikhtiar Dapur MADANI memperlihatkan kematangan dalam pemahaman tentang keterjaminan makanan. Dengan menghubungkan bantuan makanan kepada hasil nutrisi dan kesejahteraan komuniti, Belanjawan ini melengkapi dasar makanan yang bukan sahaja membekalkan makanan yang cukup, tetapi juga menyihatkan rakyat Malaysia.

Kesihatan dan Kesejahteraan

Komitmen berterusan kerajaan terhadap sistem kesihatan awam yang berkualiti dan menyeluruh adalah wajar, seperti yang dibuktikan melalui peningkatan pelaburan dalam infrastruktur kesihatan, langkah untuk mengekang inflasi perubatan, serta penambahbaikan kebajikan tenaga kerja kesihatan. Peningkatan duti eksais ke atas produk yang membahayakan kesihatan seperti tembakau dan alkohol melambangkan usaha berterusan ke arah gaya hidup sihat. Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) mengesyorkan agar hasil kutipan ini disalurkan kepada lebih banyak usaha

mempromosikan gaya hidup sihat dan pencegahan penyakit. Ini kerana, mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

Kemajuan Dicapai, Namun Reformasi Masih Diperlukan

Perlindungan Sosial dan Penjagaan

KRI menyambut baik langkah kerajaan menyusun semula penjimatan subsidi bagi memperluas bantuan sosial, khususnya melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA). Langkah ini mencerminkan keprihatinan fiskal serta keutamaan terhadap kebajikan isi rumah berpendapatan rendah. Namun, program utama kerajaan masih menumpukan kepada kumpulan 'B40' yang berdasarkan ambang pendapatan yang kaku dan tidak mengambil kira risiko sepanjang kitaran hayat. Pendekatan yang lebih menyeluruh diperlukan, dengan mengintegrasikan insurans sosial, dasar pasaran buruh aktif dan infrastruktur penjagaan.

Pembiayaan Iklim dan Perindustrian

KRI menyokong keteguhan kerajaan dalam pelaburannya bagi memperkukuh daya tahan negara terhadap risiko iklim yang semakin meningkat, termasuk pembiayaan bagi projek mitigasi banjir dan pelaksanaan NETR. Namun, komitmen kerajaan untuk memperkenalkan cukai karbon ke atas tenaga mungkin membawa kesan limpahan inflasi yang perlu diurus dengan berhati-hati.

Bakat Tempatan dan Gaji

Tumpuan kerajaan terhadap sektor pertumbuhan tinggi serta peluasan latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi pembangunan bakat adalah langkah positif. Kerjasama yang lebih erat antara institusi TVET, universiti, dan rakan industri dapat memastikan latihan kekal relevan dengan keperluan dalam sektor-sektor utama. Ini sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan untuk pekerjaan bernilai tinggi. Namun, tanpa reformasi dalam penetapan gaji, kesejahteraan tenaga kerja berpontesi ketinggalan dalam arus kemajuan industri.

Kesimpulan

Kami menghargai komitmen berterusan kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan serta memperkukuh kedudukan fiskal negara. Kekuatan sesebuah negara bukan sekadar tentang kemampuan menghadapi kejutan ekonomi, tetapi keupayaan untuk bangkit dengan lebih kukuh dan menyesuaikan diri dengan cabaran baharu. Malaysia kini perlu melangkah ke hadapan, daripada sekadar bertahan kepada usaha strategik yang berpandangan jauh bagi membuka potensi sebenar negara dalam perjalanan menuju status negara berpendapatan tinggi.

KRI kekal komited menyokong agenda reformasi Kerajaan melalui penyelidikan bebas berasaskan fakta dan penglibatan konstruktif, sebagai rakan kemajuan bersama dan suara berprinsip. Hanya melalui kebersamaan, kita dapat memastikan masa depan yang mampan.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Syafa Mustaffa

Pengurus Kanan, Komunikasi Strategik

Institut Penyelidikan Khazanah (KRI)

03-2705 6109

syafasakinah.mustaffa@krinstitute.org



MENGENAI INSTITUT PENYELIDIKAN KHAZANAH (KRI)

Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), yang ditaja oleh Yayasan Hasanah dan Khazanah Nasional Berhad, adalah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan. Matlamat Institut ini adalah untuk menjalankan analisis dan penyelidikan mengenai isu-isu kritikal negara dan, berdasarkan penyelidikan tersebut, memberikan cadangan dasar yang boleh dilaksanakan. Untuk maklumat lanjut mengenai KRI, layari www.KRIInstitute.org.

Antara peranan KRI adalah:

- melaksanakan penyelidikan dan analisis yang teliti dan tidak berat sebelah berasaskan fakta dan data
- menganjurkan bengkel, perbincangan meja bulat, persidangan dan ceramah untuk pakar bidang, penggubal dasar, pemimpin pemikiran dan cendekiawan, serta orang awam yang berminat, mengikut kesesuaian
- menjadi pendukung hasil penyelidikan dan cadangan dasar yang dikemukakan.

Ikuti KRI di media sosial untuk mengikuti perkembangan terkini penyelidikan kami:



@KRInstitute



@KRInstitute or www.facebook.com/KRInstitute/



Khazanah Research Institute



@krinstitute



@krinstitute



Khazanah Research Institute